

Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pencapaian Akademik Pelajar Politeknik METrO Betong Sarawak (Factors Affecting the Academic Achievement of Students at Politeknik METrO Betong Sarawak)

Halimatus Saadiah Kariya^{1*}

¹ Jabatan Pengajian Am, Politeknik Balik Pulau, Pulau Pinang, Malaysia

*Pengarang Koresponden: kariyahalimatussaadiah@gmail.com

Accepted: 15 December 2020 | Published: 31 December 2020

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar semester akhir Politeknik METrO Betong Sarawak (PMBS). Faktor-faktor yang dikenalpasti ialah faktor minat pelajar, sikap pelajar dan kaedah pengajaran dan pembelajaran pensyarah. Jumlah responden yang terlibat ialah seramai 82 orang daripada Program Kewangan dan Perbankan (DKB) dan Program Pengurusan Pelancongan (DUP). Instrumen kajian yang digunakan adalah melalui soal selidik. Analisis data dibuat menggunakan perisian Statistical Package for Social Sciences (SPSS) 23 untuk mendapatkan kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai. Nilai kebolehpercayaan item ialah 0.741 yang menunjukkan kebolehpercayaan soalan yang boleh diterima. Hasil kajian menunjukkan faktor daripada pengajaran dan pembelajaran pensyarah merupakan faktor yang paling tinggi iaitu min = 4.44 diikuti faktor minat pelajar (min = 4.23) dan faktor sikap pelajar (min = 4.20). Justeru, melalui kajian ini kesemua faktor menunjukkan hubungan yang signifikan dalam mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Namun, tindakan penambahbaikan perlu dilakukan demi pencapaian akademik yang lebih cemerlang.

Kata kunci: faktor, sikap, minat, pengajaran dan pembelajaran pensyarah, pencapaian pelajar

Abstract: This study aims to examine the factors that influence the academic achievement of final semester students of Politeknik METrO Betong Sarawak (PMBS). The factors identified are student interest, student attitudes and teaching and learning methods of lecturers. The total number of respondents involved is 82 students from the Finance and Banking Programme (DKB), and Tourism Management Programme (DUP). The research instrument used was a set of questionnaire. Data analysis was performed using Statistical Package for Social Sciences (SPSS) 23 software to obtain frequency, percentage, mean and standard deviation. The reliability value of the item is 0.741 which indicates the reliability of the acceptable question. The results show that the teaching and learning of lecturers is the highest factor with a mean of 4.44 followed by student interest factor (mean = 4.23) and student attitude factor (mean = 4.20). Thus, through this study, all factors show a significant relationship in influencing students' academic achievement. However, remedial action needs to be taken for better academic achievement.

Keywords: factors, attitudes, interests, teaching and learning of lecturers, student achievement

1. Pengenalan

“Melestarikan Ekosistem Pendidikan Tinggi yang Berkualiti untuk Membangunkan Potensi Individu bagi Memenuhi Aspirasi Negara”

Pendidikan merupakan tunjang utama dalam merealisasikan misi sesebuah negara. Demi mencapai misi yang ditetapkan, kerajaan telah mengambil perhatian yang serius dengan mewujudkan sistem pendidikan yang menawarkan pembelajaran kepada pelbagai lapisan masyarakat dan peringkat umur. Kaedah pembelajaran yang seimbang mampu melahirkan masyarakat yang berkualiti dan menyumbang ke arah pertumbuhan negara.

Bagi masyarakat Malaysia, elemen kualiti pendidikan ialah pengurusan dan pentadbiran yang seimbang dan mengamalkan budaya pendidikan yang cemerlang dari semua aspek kehidupan. Dalam Falsafah Pendidikan Negara menyatakan pendidikan juga berteraskan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan, bersatu padu, bertanggungjawab, beramanah, bermotivasi dan keazaman untuk mencapai kesejahteraan diri serta bercita-cita ke arah kemakmuran masyarakat dan negara.

Justeru, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh kerajaan demi melahirkan graduan yang berjaya dan memiliki pencapaian akademik yang cemerlang. Seajar dengan aspirasi negara, kerajaan berusaha membiayai institusi pendidikan, menyediakan prasarana dan peluang-peluang pendidikan untuk melahirkan individu yang akan menerajui kepimpinan akan datang.

Tidak dapat tidak, kecemerlangan akademik pelajar sentiasa mendapat perhatian dan perbincangan yang hangat dalam kalangan masyarakat mahupun media massa. Menurut Ahmad Rizal et al. (2005), selain dari sudut kebolehan yang terdapat pada pelajar berkaitan pencapaian akademik pelajar, namun terdapat faktor lain yang mempengaruhinya iaitu gaya pembelajaran, gaya keibubapaan, persekitaran tempat belajar dan sebagainya (Ahmad Rizal et al., 2005; Muhamad Shafiq dan Noraini, 2018).

Menurut Saedah Siraj (2020), konsep pembelajaran kearah pencapaian yang cemerlang perlu diperluaskan bukan hanya berdasarkan kepada kaedah peperiksaan atau satu bentuk penilaian semata-mata. Namun penekanan harus diberikan kepada penilaian yang bertujuan untuk menentukan pembelajaran itu dikuasai oleh pelajar atau sebaliknya (Umavathi, 2020).

Kecemerlangan akademik adalah segala aktiviti yang dilakukan bagi menentukan kejayaan tercapai pada tahap maksimum. Dalam hal ini secara lazimnya menjadi cita-cita bagi seorang pelajar ketika membuat permohonan meneruskan pengajian ke peringkat seterusnya. Namun, pencapaian akademik yang tidak memberangsangkan menjadi buah mulut para pemimpin, tokoh-tokoh akademik dan masyarakat kerana gejala ini menyumbang kepada kadar pengangguran di Malaysia. Masalah disiplin, keluarga dan rakan sebaya merupakan permasalahan yang paling dominan mempengaruhi pencapaian akademik dalam kalangan pelajar (Azizi dan Mohamad Hasan, 2010).


Selain itu, terdapat pelbagai kajian yang menyatakan faktor-faktor yang menyumbang kepada kemerosotan pencapaian pelajar adalah berpunca daripada kaedah pembelajaran, pendekatan pengajaran pensyarah serta sikap pelajar sendiri (Muhamad Shafiq dan Noraini, 2018). Justeru, perlu diambil tindakan jalan penyelesaian demi memastikan keluaran pelajar daripada sistem pendidikan adalah berkualiti dan sejajar dengan kehendak pasaran.

Jadual 1: Tahap Pencapaian Akademik Pelajar

Program / Sesi HPNM	Diploma Kewangan dan Perbankan		Diploma Pengurusan Pelancongan		Jumlah
	Jun 2019	Disember 2019	Jun 2019	Disember 2019	
3.75 – 4.00	0	4	0	5	9
3.50 – 3.74	0	6	3	4	13
3.25 – 3.49	1	7	8	13	29
3.00 – 3.24	4	4	6	1	15
2.75 – 2.99	9	2	0	1	12
2.50 – 2.74	5	2	2	0	9
2.25 – 2.49	2	2	1	0	5
2.00 – 2.24	1	0	0	0	1
1.00 – 1.99	0	0	0	0	0
Jumlah	22	27	20	24	93

(Sumber: Unit Peperiksaan dan Penilaian, Politeknik METrO Betong Sarawak)

Statistik daripada Jadual 1 menunjukkan tahap pencapaian pelajar semester akhir sesi Jun 2019 dan sesi Disember 2019 bagi dua program pengajian di Politeknik METrO Betong Sarawak. Secara amnya, pencapaian akademik pelajar dalam kategori Himpunan Purata Nilai Mata (HPNM) (3.00 – 4.00) adalah pada tahap kepujian iaitu 71.0% manakala HPNM di bawah 3.00 adalah 29.0%. Walaupun tahap kecemerlangan akademik pelajar semester akhir dalam kategori yang baik, namun terdapat pelajar yang menunjukkan prestasi pencapaian yang kurang cemerlang. Ini boleh memberi kesan kepada faktor graduan mengganggu disebabkan graduan tidak menguasai kemahiran dan pengetahuan dalam bidang yang diceburi mereka (Noorah et al., 2013). Justeru, pencapaian akademik pelajar perlulah seiring dengan aspek kemahiran insaniah yang dikehendaki pihak majikan. (Lucas et al., 2018).



Carta 1: Kadar Kebolehpasaran Graduan *Technical and Vocational Education and Training (TVET)* Politeknik METrO Betong Sarawak 2019

Sumber: Unit *Tracer Study*, Politeknik METrO Betong Sarawak

Merujuk kepada Carta 1, peratusan kebolehpasaran pelajar lepasan Politeknik METrO Betong Sarawak adalah dalam julat yang tinggi iaitu 93%. Walau bagaimanapun masih terdapat pelajar lepasan PMBS tidak merebut peluang untuk menceburi sektor pekerjaan pada hari ini.

Permasalahan ini juga berkemungkinan tahap kelayakan pencapaian akademik pelajar adalah rendah yang menjadi kayu ukur oleh pihak majikan (Muhammad Hazrul, 2012).

Justeru, berdasarkan kepada permasalahan ini, pengkaji ingin mengenalpasti faktor-faktor yang menyumbang kepada pencapaian akademik pelajar semester akhir di Politeknik METrO Betong Sarawak. Dapatan ini akan menjadi rujukan kepada pelajar semester satu dan seterusnya ke arah pencapaian akademik dan sahsiah yang lebih cemerlang.

2. Ulasan Kajian Lepas

Pelbagai faktor yang dikenalpasti penyebab kepada pencapaian akademik pelajar antaranya adalah sikap. Banyak penyelidikan dan kajian yang dilakukan menyatakan definisi sikap, proses terbentuknya sikap, proses perubahan sikap, tidak kurang juga penerokaan yang telah dilakukan terhadap sikap untuk mengetahui kesan dan peranannya baik sebagai pembolehubah bersandar mahupun pembolehubah bebas (Bohner, 2002). Menurut Rajecki (1989), tiga komponen utama sikap iaitu afektif (perasaan terhadap sesuatu objek), perilaku (kecenderungan untuk bertindak pada tingkah laku tertentu yang berkait dengan sikap seseorang) dan kognitif (pengetahuan dan kepercayaan seseorang terhadap sesuatu). Selain itu, faktor-faktor yang berkait dengan sikap juga merujuk kepada pengalaman peribadi, pengaruh orang lain, pengaruh budaya, media massa, faktor emosional, institusi pendidikan dan institusi keagamaan (Abdul Muqsith, 2013).

Pengaruh minat yang tinggi terhadap sesuatu juga menjadi faktor kepada prestasi pencapaian pelajar. Menurut Omardin (1996), minat merupakan suatu kecenderungan atau keinginan yang penting dalam aktiviti pembelajaran sebagai pendorong kepada pelajar bergiat aktif dan cerdas. Pernyataan ini disokong oleh Ismail (1992) dengan menyatakan minat terhadap sesuatu perkara atau aktiviti akan mendorong individu meneroka dengan lebih jauh. Abu Bakar (1994) pula menyatakan seseorang yang minat dalam perkara yang dipelajarinya akan menunjukkan kesungguhan untuk memperolehi pencapaian yang tinggi. Oleh itu, dalam proses pembelajaran, minat mempelajari sesuatu perkara akan menghasilkan pembelajaran yang berkesan dan mendorong kepada pencapaian yang cemerlang (Omardin, 1996; Ismail, 1992; Abu Bakar, 1994; Noraznida dan Siti Zubaidah, 2018).

Komponen pengajaran dan pembelajaran juga turut menyumbang ke arah pencapaian akademik pelajar sama ada pencapaian yang baik mahupun sebaliknya. Mengikut Woolfolk (1988) mentafsirkan pembelajaran dilihat sebagai perubahan dalaman yang berlaku kepada seseorang dengan membentuk perkaitan yang baru atau sebagai potensi yang sanggup menghasilkan tindak balas yang baru (Woolfolk, 1988). Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka, pembelajaran dan pengajaran adalah proses belajar, memperolehi ilmu pengetahuan dan sesuatu yang dapat dijadikan pedoman dan peringatan. Lazimnya pengajaran yang baik akan menghasilkan objektif pembelajaran yang berkesan. Pengajaran pensyarah juga mempengaruhi minat pelajar seterusnya membantu pencapaian objektif pembelajaran. (Noor Erna dan Leong Kwan Eu, 2014).

Pencapaian akademik pelajar adalah sesuatu perkara yang dicapai pada tahap kemajuan melalui usaha dan ketekunan individu terhadap penguasaan ilmu atau kemahiran yang dipelajarinya berdasarkan kepada nilai mata yang dikumpulnya (Hafizah, 2015). Pencapaian ini diukur berdasarkan gred, skor mentah, dan pangkat untuk subjek atau keseluruhan kursus (Raha, 1991). Dengan erti kata lain, pencapaian merupakan kayu ukur kejayaan atau kegagalan pelajar berasaskan penilaian dan peperiksaan dalam sesuatu ujian. Gred bacaan baik yang diperolehi

daripada instrumen penilaian pelajar dapat menghasilkan kesesuaian gaya pembelajaran serta memperoleh kecemerlangan dalam keputusan pencapaian pelajar (Shea, 1983).

3. Metodologi Kajian

Kaedah kajian melalui instrumen soal selidik dilaksanakan secara atas talian adalah kajian kuantitatif bagi mengumpulkan data dan maklumat daripada responden. Pemilihan responden dibuat berdasarkan teknik persampelan tak rawak dalam kategori persampelan bertujuan (*purposive sampling*) yang bermaksud sampel kajian dipilih dengan tujuan tertentu. Jumlah populasi pelajar semester akhir adalah seramai 93 orang dan menurut jadual Krejcie and Morgan (1970), bilangan sampel minimum yang diperlukan adalah 76 orang. Seramai 82 orang responden telah memberi maklumbalas bagi mengetahui kekuatan faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Limitasi kajian ini adalah bilangan responden yang terhad iaitu bergantung kepada jumlah pelajar semester akhir sesi Jun 2019 dan Disember 2019 yang telah memenuhi proses penilaian, peperiksaan dan pencapaian akademik di PMBS.

Untuk mendapatkan dapatan kajian, instrumen soal selidik yang telah diolah mengikut kesesuaian kajian dari soalan yang dibangunkan oleh Ahmad Rizal (2005) telah diedarkan kepada sampel kajian. Soal selidik ini mempunyai dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Di Bahagian A, melibatkan maklumat mengenai demografi responden manakala bahagian B pula pembolehubah yang dikaji. Kajian ini dipilih bagi mengetahui faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Skala Likert digunakan bagi item di Bahagian B iaitu skala 1 mewakili ‘Sangat Tidak Setuju’, skala 2 ‘Tidak Setuju’, skala 3 ‘Kurang Pasti’, skala 4 ‘Setuju’ dan skala 5 mewakili ‘Sangat Setuju’. Data daripada Bahagian A dianalisis secara deskriptif yang melibatkan demografi responden. Manakala data Bahagian B dianalisis untuk mendapatkan skor min dan sisihan piawai.

4. Perbincangan dan Kesimpulan

Hasil daripada dapatan mengikut taburan demografi seramai 82 orang pelajar, 24 orang (29.3%) adalah pelajar lelaki dan 58 orang (70.7%) adalah pelajar perempuan. Berdasarkan program pengajian, 48 orang (58.5%) adalah daripada program DKB manakala program DUP adalah 34 orang (41.5%). Bagi taburan mengikut agama adalah Islam, 32 orang (39.0%), Kristian 47 orang (57.3%), Buddha 1 orang (1.2%) dan Hindu 2 orang (2.4%). Hasil dapatan juga menunjukkan keputusan berdasarkan Himpunan Purata Nilai Mata, seramai 9 orang pelajar memperoleh gred 3.75 - 4.00 (11%), diikuti dengan 13 orang memperoleh gred 3.50 - 3.74 (15.8%), 26 orang memperoleh gred 3.25 - 3.49 (31.7%), bagi gred 3.00 - 3.24 seramai 15 orang (18.3%), bagi gred 2.75 - 2.99 seramai 11 orang (13.4%). Manakala bagi gred 2.50 - 2.74 dan gred 2.25 - 2.49 masing-masing adalah 4.9% dengan 4 orang pelajar.

Jadual 2: Pencapaian pelajar mengikut Himpunan Purata Nilai Mata (HPNM)

Pencapaian Pelajar	N	Peratus (%)	Kategori
HPNM 3.50 - 4.00	22	26.8	Cemerlang
3.00 - 3.49	41	50.0	Kepujian
2.00 - 2.99	19	23.2	Lulus

*N = 82

Jadual 2 menunjukkan statistik purata pencapaian pelajar semester akhir PMBS mengikut Himpunan Purata Nilai Mata (HPNM). Pencapaian akademik pada tahap kepujian antara purata 3.00 – 3.49 menunjukkan peratusan yang tinggi iaitu 50% diikuti HPNM pada tahap cemerlang 3.50 – 4.00 dengan 26.8% dan tahap lulus iaitu 23.3%. Statistik ini menyatakan bahawa pelajar dapat mengikuti program pengajian di Politeknik METrO Betong Sarawak dengan pencapaian pada tahap yang baik. Oleh demikian, hubungkait pencapaian akademik pelajar dikaji berdasarkan kepada faktor-faktor yang mempengaruhinya.

Jadual 3: Nilai pekali kebolehpercayaan item soal selidik

Faktor-faktor	Jumlah item	Alpha Cronbach
Sikap	7	.675
Minat	6	.670
Pengajaran dan pembelajaran pensyarah	6	.878
Min Keseluruhan	19	.741

Dapatan keseluruhan yang diperolehi daripada ujian kebolehpercayaan (*Alpha Cronbach*) ialah 0.741. Nilai ini boleh diterima kebolehpercayaannya menurut interpretasi skor *Alpha-Cronbach* (Pallant 2001) iaitu nilai alpha sebanyak .5. Ini berikutan skala instrumen yang kurang daripada sepuluh item dan nilainya dianggap baik dan boleh diterima (Noraini, 2010).

Jadual 4: Min dan Sisihan Piawai bagi tahap pengaruh sikap terhadap pencapaian pelajar

No	Item	Min	Sisihan Piawai
1	Saya memberi tumpuan sepenuhnya pada sesi pembelajaran	4.20	.597
2	Saya sering mengulangkaji pelajaran pada waktu lapang	3.70	.679
3	Saya selalu membuat catatan dan nota ringkas semasa dalam sesi pembelajaran	4.44	.523
4	Saya berusaha untuk menyiapkan tugas yang diberikan	4.60	.493
5	Saya membuat latihan soalan-soalan peperiksaan lepas	4.20	.710
6	Saya selalu datang awal ke kelas	4.10	.621
7	Saya suka berinteraksi dengan pensyarah ketika di dalam kelas	4.17	.699
Purata Skor Min dan Sisihan Piawai Keseluruhan		4.20	.617

*N = 82

Merujuk kepada jadual 4, dapatan nilai min menunjukkan 4.20 dengan sisihan piawai 0.617 iaitu mewakili nilai sederhana dan boleh diterima. Kebanyakan pelajar mempunyai sikap untuk berusaha menyiapkan tugas yang diberikan oleh pensyarah dengan nilai min paling tinggi iaitu 4.60 diikuti dengan tabiat membuat catatan dan nota ringkas hasil daripada pembelajaran di kelas. Namun pelajar kurang menggunakan waktu lapang dengan sebaiknya untuk mengulangkaji pelajaran dengan nilai min paling rendah iaitu 3.70. Dapatan ini secara purata menyatakan pencapaian akademik pelajar dipengaruhi oleh sikap dan sahsiah. Nilai tanggungjawab dan amanah pelajar kepada tugas yang diberikan mempengaruhi prestasi pencapaian akademik pelajar ke arah yang lebih baik. Dapatan juga diperolehi daripada kenyataan responden bertepatan sikap iaitu rajin mengulangkaji, fokus ketika dalam proses pembelajaran, membuat catatan dan nota ringkas agar lebih mudah difahami.

Jadual 5: Min dan Sisihan Piawai bagi tahap pengaruh minat terhadap pencapaian pelajar

No	Item	Min	Sisihan Piawai
1	Saya sentiasa mempunyai kesungguhan untuk mendapatkan markah yang tinggi dalam setiap tugas	4.54	.502
2	Saya sentiasa berusaha untuk menyelesaikan sesuatu perkara sukar terlebih dahulu sebelum membuat rujukan dengan pensyarah	4.29	.484
3	Saya sentiasa bertanya kepada pensyarah apabila saya tidak faham dalam proses pembelajaran	4.38	.559
4	Saya belajar secara berkumpulan bersama rakan-rakan	4.41	.543
5	Saya mempunyai jadual belajar sendiri	3.48	.613
6	Saya berusaha mencari maklumat tambahan bagi setiap subjek	4.29	.533
Purata Skor Min dan Sisihan Piawai Keseluruhan		4.23	.539

*N = 82

Dapatan analisis daripada jadual 5 menunjukkan secara purata min dan sisihan piawai faktor minat pelajar PMBS dalam pembelajaran sehingga mempengaruhi pencapaian akademik iaitu min 4.23 dan sisihan piawai 0.539. Minat pelajar untuk bersaing bagi mendapatkan markah yang tinggi menunjukkan nilai min yang paling tinggi iaitu 4.54. Manakala nilai min paling rendah adalah pelajar tidak mempunyai jadual belajar sendiri iaitu 3.48. Ini menunjukkan cara pembelajaran pelajar tidak terikat dengan jadual yang ditetapkan namun pelajar mempunyai strategi tersendiri dalam proses pembelajaran seperti belajar secara berkumpulan, membuat perbincangan bersama pensyarah dan berusaha sendiri dalam sesi pengajian.

Jadual 6: Min dan Sisihan Piawai bagi tahap pengaruh pengajaran dan pembelajaran terhadap pencapaian pelajar

No	Item	Min	Sisihan Piawai
1	Pensyarah menyampaikan pengajaran dengan baik dan berkesan	4.57	.498
2	Pensyarah menggunakan alatan yang berteknologi terkini semasa pengajaran	4.38	.580
3	Pensyarah mengambil berat terhadap pembelajaran yang diajarinya	4.37	.556
4	Pensyarah mahukan tugas yang diberikan disiapkan pada masa yang ditetapkan	4.44	.499
5	Pensyarah mendedahkan cara belajar dan teknik menjawab soalan	4.45	.612
6	Saya memahami penyampaian pengajaran pensyarah di kelas	4.41	.520
Purata Skor Min dan Sisihan Piawai Keseluruhan		4.44	.544

*N = 82

Dari segi pengaruh pengajaran dan pembelajaran pensyarah, rata-rata pelajar PMBS memberi nilai yang tinggi. Purata min daripada jadual 6 menunjukkan nilai 4.44 dan sisihan piawai 0.544. Kredibiliti, kaedah pengajaran dan penyampaian pensyarah adalah baik dan berkesan sehingga menyumbang ke arah pencapaian akademik pelajar. Menurut Noor Erma & Leong Kwan Eu (2014), sikap, minat dan pengajaran pensyarah merupakan pengaruh yang besar dalam menentukan pencapaian pelajar.

Kenyataan ini bercanggah dengan kajian yang dilaksanakan oleh Muhammad Shafiq & Noraini (2018). Menurut mereka tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor pensyarah dengan prestasi pencapaian akademik pelajar. Malah mereka menyatakan pengajaran

pensyarah, tugas yang diberikan serta perkara-perkara lain tidak menyumbang kepada peningkatan atau penurunan pencapaian pelajar.

Setelah kajian dilakukan secara keseluruhannya, didapati responden bersetuju pencapaian akademik dipengaruhi oleh ketiga-tiga pemboleh ubah iaitu faktor sikap, faktor minat dan faktor pengajaran dan pembelajaran pensyarah. Analisis korelasi digunakan untuk menentukan kekuatan antara dua pemboleh ubah (Noraini, 2010). Nilai korelasi Pearson menunjukkan hubungan yang signifikan dengan nilai 0.01. Menurut Cohen (1988), nilai r diklasifikasikan mengikut kategori iaitu $r = 0.10$ hingga 0.29 bernilai kecil, $r = 0.30$ hingga 0.49 bernilai sederhana dan $r = 0.50$ hingga 1.0 bernilai besar.

Jadual 7: Kolerasi di antara faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar

		Sikap	Minat	Pengajaran dan Pembelajaran Pensyarah
Sikap	<i>Pearson Correlation</i>	1.00	.553*	.544*
	<i>Sig. (2-tailed)</i>		.000	.000
	N	82	82	82
Minat	<i>Pearson Correlation</i>	.553*	1.00	.497*
	<i>Sig. (2-tailed)</i>	.000		.000
	N	82	82	82
Pengajaran dan Pembelajaran Pensyarah	<i>Pearson Correlation</i>	.544*	.497*	1.00
	<i>Sig. (2-tailed)</i>	.000	.000	
	N	82	82	82

*Signifikan pada aras keertian 0.01 (2-tailed).

Kesemua korelasi Pearson jadual 7 menunjukkan nilai r dalam kategori 0.50 hingga 1.0. Nilai ini menunjukkan kekuatan hubungan yang mempengaruhi faktor pencapaian pelajar adalah tinggi. Walau bagaimanapun, responden telah mencadangkan beberapa komponen yang bersesuaian boleh dilaksanakan bagi menarik minat kepada sesi pembelajaran dan pengajaran seperti melalui video, *virtual simulation* dan penggunaan teknologi secara atas talian iaitu *Kahoot*, *Quizizz*, *Youtube*, *Animation* dan lain-lain pendekatan yang bersesuaian. Justeru, pendekatan dan kaedah terbaik yang digunakan menyumbang ke arah pencapaian akademik yang cemerlang bagi pelajar.

Sebagai kesimpulannya, pencapaian akademik pelajar merupakan matlamat utama dalam sistem pendidikan di Malaysia. Kepincangan sistem pendidikan boleh mendorong kepada kualiti akademik yang tidak berkesan. Justeru, semua pihak perlu berganding bahu merancang aktiviti dan agenda demi meningkatkan kecemerlangan akademik mahupun sahsiah pelajar seperti program-program berunsur motivasi, jati diri, kepimpinan, komunikasi dan lain-lain.

Selain itu, prestasi pencapaian akademik pelajar juga dipengaruhi oleh pelbagai faktor iaitu gaya pembelajaran dan pengajaran oleh pelajar mahupun pendidik, faktor rakan dan persekitaran, sokongan ibubapa dan sebagainya. Oleh demikian, kepentingan kajian ini tidak dapat dinafikan lagi malahan dapat memberi maklumat yang jelas kepada institusi pendidikan dalam menambahbaik serta meningkatkan pencapaian akademik pelajar. Tambahan juga, ia dapat dijadikan rujukan kepada para pensyarah untuk meningkatkan teknik penyampaian

dalam proses penyebaran ilmu pengetahuan dengan lebih baik bagi meningkatkan semangat pelajar seterusnya berupaya untuk mendapatkan keputusan yang cemerlang.

Perkara ini juga perlu diambil perhatian oleh para pelajar demi kepuasan dan kepentingan diri bersaing secara sihat dalam usaha mengekalkan kecemerlangan akademik dan sahsiah. Justeru, usaha yang berterusan tidak menafikan matlamat untuk menggapai kejayaan pada masa hadapan.

Rujukan

- Abdul Muqstith Ahmad (2013). Faktor yang Mempengaruhi Perbezaan Pencapaian Akademik Pelajar Lulusan Diploma Politeknik dan Matrikulasi Terhadap Subjek Kejuruteraan. Disertasi, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Abu Bakar Nordin (1994). Reformasi Pendidikan dalam Menghadapi Cabaran 2020. Kuala Lumpur: Cetaktama Press.
- Ahmad Rizal Madar, Nurul Akmar Kamarudin & Saifullizam Puteh (2005), Faktor-faktor yang Mempengaruhi Pencapaian Pelajar Dalam Menguasai Mata Pelajaran Kejuruteraan di Politeknik-politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Universiti Sains Malaysia. Prosiding Seminar Pendidikan JPPG 2005 Pendidikan Untuk Pembangunan Lestari.
- Bohner, G., & Wanke, M. (2002). Attitudes and Attitude Changes. Hove, UK: Psychology Press.
- Hafizah Abdul Razak (2015). Hubungan Antara Big Five Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- Kementerian Pengajian Tinggi. Visi dan Misi. Diperolehi pada 1 Ogos 2020 daripada <https://www.mohe.gov.my/korporat/tentang-kami/visi-dan-misi>
- Lucas Kee, Mohd Zairuniza Jaludin & Mohliyani Jaling (2018). Kajian Kepuasan Majikan terhadap Graduan Kolej Komuniti Sandakan 2018. Sandakan: Unit Penyelidikan, Inovasi, Kolej Komuniti Sandakan.
- Muhamad Shafiq Mohd Razali & Noraini Abdol Raop (2018). Mengenalpasti Faktor-faktor yang Mempengaruhi Pencapaian Akademik Pelajar Sarjana Muda Psikologi, Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM). *Jurnal Sains Sosial Malaysian Journal of Social Science* Jilid 3.
- Muhammad Hazrul Ismail (2012). Kajian Mengenai Kebolehpasaran Siswazah di Malaysia: Tinjauan dari Perspektif Majikan, Prosiding Perkem VII, Jilid 2.
- Noor Erma Abu & Leong Kwan Eu (2014). Hubungan Antara Sikap, Minat, Pengajaran Guru dan Pengaruh Rakan Sebaya Terhadap Pencapaian Matematik Tambahan Tingkatan 4. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik* Bil 2 Isu 1.
- Nooriah Yusof, Norain Mat Lazim & Zakiyah Jamaluddin (2013). Persepsi Pelajar Prasiswazah terhadap Program Pembangunan Kebolehpasaran Siswazah: Kes Universiti Sains Malaysia. *International Journal of Environment, Society and Space*.
- Noraini Idris (2010), "Penyelidikan dalam Pendidikan," Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Noraznida Husin & Siti Zubaidah Md Nor (2018). Faktor yang Mempengaruhi Pemilihan Program Pengajian di IPTS: Kajian di Fakulti Pengurusan dan Muamalah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, *Proceeding of the 5th International Conference on Management and Muamalah 2018 (ICoMM 2018)*.
- Omardin Ashaari (1996). *Kaedah Pengajaran Sejarah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.

- Raha (1991). Kolerasi antara Status Sosio Ekonomi Keluarga Pelajar, Bentuk Stail Kognitif dan Pencapaian Akademik Pelajar dalam Sains dan Matematik. Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shea, P. (1983). Student Learning Style: A Segmentation Strategy for Higher Education. *Journal of Education for Business*.
- Umavathi Ramayah. Sistem pendidikan kini terlalu berteraskan peperiksaan. Diperolehi pada 18 April 2020 daripada <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/sistem-pendidikan-kini-terlalu-berteraskan-peperiksaan-prof-dr-saedah-238892>.
- Woolfolk A. (1988). *Educational Psychology*. (8th ed.) Boston: Allyn & Bacon.